

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR. TAN KEE KWONG  
[ WANGSA MAJU ]**

**SOALAN :**

**YB Dato' Dr. Tan Kee Kwong [ Wangsa Maju ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah kerugian yang dialami ketika banjir dan berapakah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan sepanjang musim banjir baru baru ini.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Ekoran dari kejadian banjir besar ini, Kerajaan telah mengalami kerugian yang sangat besar. Sepertimana yang telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pengumuman Semakan Bajet 2015 lalu, kerosakan dan kerugian harta benda dan infrastruktur awam pada banjir kali ini dianggarkan sebanyak RM2.9 bilion.

Antara tindakan-tindakan yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu mangsa-mangsa banjir yang terlibat serta membaik pulih infrastruktur yang terjejas teruk akibat banjir tersebut adalah seperti berikut:

- a) Sebagai peruntukan awalan, Kerajaan menyediakan RM800 juta untuk membaiki dan membina semula infrastruktur asas seperti sekolah, hospital, jalan raya dan jambatan;
- b) Penyediaan peruntukan tambahan sebanyak RM500 juta sebagai bantuan permulaan atau *initial allocation* untuk kerja-kerja baik pulih dan program kebajikan mangsa banjir, tambahan kepada tabung Majlis Keselamatan Negara; dan
- c) Penyediakan peruntukan berjumlah RM893 juta bagi Bajet 2015 untuk pelaksanaan projek rancangan tebatan banjir di seluruh negara.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG**  
**KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT PERTAMA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG**  
**[ WANGSA MAJU ]**

**SOALAN : 549**

**DATO' DR. TAN KEE KWONG [ WANGSA MAJU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah wang yang telah dipinjamkan kepada FELDA dan lain-lain syarikat dan apakah jenis pembayaran yang akan dilakukan.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah memperoleh pinjaman Berjaminan Kerajaan sebanyak RM6,500 juta daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melalui Fasiliti Bai'Inah pada tahun 2009. Sehingga kini, FELDA tanpa gagal melaksanakan bayaran kembali mengikut jadual pembayaran yang telah ditetapkan oleh KWSP.

Selain itu, FELDA turut memperoleh pinjaman *Short Term Revolving Credit-i* daripada Maybank Berhad (MBB) berjumlah RM1,000 juta pada tahun 2014. Sebahagian daripada pinjaman ini adalah bagi disalurkan kepada syarikat subsidiarinya sebagai modal kerja syarikat. Bayaran kembali kepada MBB dilaksanakan mengikut tempoh keuntungan yang dipilih FELDA sama ada setiap sebulan, 2 bulan, 3 bulan, 6 bulan atau tempoh keuntungan yang lain yang dipersetujui antara FELDA dan MBB.

Sekian. Terima kasih.